



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepec.com



**PENDIDIKAN ISLAM BAGI MUALAF DI SABAH:
ANALISIS CABARAN DAN PERANAN AGENSI PELAKSANA**

*ISLAMIC EDUCATION FOR CONVERTS IN SABAH: ANALYSIS OF
CHALLENGES AND THE ROLE OF IMPLEMENTING AGENCIES*

Khairol Ikhwan @ Mohd Fithri Khoza¹, Nur Ilma Ambo^{2*}, Nur Faizatul Zehan Saari³

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah
Email: khairolikhwan@ums.edu.my

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah
Email: nurilma@ums.edu.my

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah
Email: faizatulzehan@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 28.08.2025

Published date: 23.09.2025

To cite this document:

Khoza, K. I, M. F., Ambo, N. I., & Saarim N. F. Z. (2025). Pendidikan Islam Bagi Mualaf Di Sabah: Analisis Cabaran Dan Peranan Agensi Pelaksana. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 1127-1138.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059083

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Sabah adalah sebuah negeri yang mencatatkan peningkatan orang memeluk agama Islam atau lebih dikenali sebagai “mualaf”. Namun sebagai mualaf, mereka tidak terlepas daripada cabaran dan kekangan dalam menjalani hidup sebagai seorang Muslim. Sebagai contoh, mereka mendapat tentangan yang hebat daripada keluarga mereka sendiri sehingga dibuang dan dihalau dari rumah, mereka juga yang kurang mendapat bimbingan agama yang berterusan menyebabkan mereka menjadi keliru dalam mengamalkan ajaran agama Islam yang sebenar. Oleh kajian ini akan meninjau cabaran-cabaran yang menghalang mualaf dalam mendapat Pendidikan Islam atau bimbingan kelas agama. Selain itu, bagi mengetahui peranan agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam menagangani isu-isu berkaitan dengan pendidikan mualaf, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif menerusi analisis dokumen dan temu bual awal dengan pegawai agensi berkaitan seperti Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan pertubuhan bukan kerajaan seperti *Hidayah Centre Foundation*. Hasil daripada dapatan awal kajian, pengkaji mendapati terdapat usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak berwajib seperti menubuhkan Pusat Latihan Dakwah dan kelas bimbingan mualaf. namun masih lagi perlu diperkembangkan dari sudut penyelarasan gerak kerja di antara agensi, peningkatan tenaga pengajar atau pelatih mualaf serta diperluaskan lagi program Pendidikan Islam ke luar bandar dan pedalaman. Kajian ini mencadangkan agar pendekatan bersepadu dan berterusan diterapkan oleh semua pihak bagi menangani cabaran pendidikan dan memastikan pemantapan kefahaman Islam dalam kalangan mualaf.

Kata Kunci:

Mualaf, Cabaran Pendidikan, Agensi Pelaksana, Sabah, Pendidikan Islam

Abstract:

Sabah is a state that has recorded an increase in people converting to Islam, commonly known as "*mualaf*". However, as converts, they do not escape the challenges and constraints of living as a Muslim. For example, they face severe opposition from their own families, leading to being disowned and expelled from their homes. They also lack continuous religious guidance, causing them to become confused in practicing the true teachings of Islam. This study will examine the challenges that hinder converts from receiving Islamic education or religious class guidance. In addition, to understand the roles of government and private agencies in addressing issues related to the education of converts, the researcher used a qualitative approach through document analysis and preliminary interviews with relevant agency officials such as the Sabah Islamic Religious Council (MUIS), the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM), and non-governmental organisations like the Hidayah Centre Foundation. As a result of the initial findings of the study, the researchers found that there have been efforts made by the authorities, such as establishing Da'wah Training Centres and guidance classes for converts. However, there is still a need to improve the coordination of work between agencies, enhance the training of instructors or convert trainees, and expand Islamic education programs to rural and remote areas. This study suggests that a comprehensive and continuous approach should be implemented by all parties to address educational challenges and ensure the strengthening of Islamic understanding among converts.

Keywords:

Convert, Educational Challenges, Implementing Agency, Sabah, Islamic Education

Pengenalan

Sebagai sebuah negeri di utara Borneo, Sabah memiliki sejarah Islamisasi yang unik dan signifikan serta memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti keagamaan masyarakat pelbagai etnik di negeri ini. Kemunculan pengaruh Islam dalam masyarakat Sabah bermula seawal abad ke-14 melalui kegiatan perdagangan, penyebaran dakwah, serta hubungan diplomatik dengan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu (Hajimin et.al, 2020). Selain itu, migrasi pedagang dan pendakwah Muslim dari wilayah-wilayah seperti Brunei, Sulawesi dan Mindanao turut memperkukuh penyebaran Islam dalam kalangan masyarakat tempatan (Hajimin et al., 2025; Rasip & Ab Razak, 2024). Meskipun Islam menunjukkan kemajuan dalam kalangan masyarakat tempatan, era penjajahan British telah menyaksikan pelbagai bentuk sekatan terhadap aktiviti penyebaran Islam. Antaranya termasuk pelaksanaan dasar '*Concentration of Mohammedan Community*' yang bertujuan mengehadkan pengaruh Islam di kawasan tertentu, serta pelucutan hak dan peranan pendakwah seperti Imam Suhaili Haji Yaakub, yang telah menjejaskan kesinambungan usaha dakwah pada ketika itu (Md.Rasip et.al, 2025).

Dalam pada itu, selepas kemerdekaan, di bawah pimpinan Tun Datu Mustapha, usaha sistematik seperti penubuhan *United Sabah Islamic Association* (USIA) serta institusi Islam seperti Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dipergiatkan. Strategi ini meningkatkan populasi Muslim dari hanya 38.0 % pada 1960 ke 51.0 % pada 1980 (Hajimin et al., 2025). Data terbaru JHEAINS (2024) pula menunjukkan mualaf dari etnik Kadazan Dusun, Murut, Rungus dan Sungai kekal menjadi kumpulan terbesar yang memeluk Islam, menunjukkan kejayaan pendekatan dakwah tempatan khususnya dari 2019-2023 sebanyak > 9,000 mualaf purata melebihi 1,000 mualaf setiap tahun (Md. Rasip et.al, 2025 & Abd Hadi Borham et al. (2021).

Sejajar dengan peningkatan ini, jika dilihat di dalam konteks pendidikan Islam pula, trend pertumbuhan pesat ini menimbulkan cabaran baru khususnya dalam kalangan masyarakat senditi. Ini juga termasuk cabaran dalam pengukuhan rohani mualaf, sokongan berterusan untuk mualaf dan pemeliharaan akidah di kalangan saudara baharu Islam. Oleh yang demikian, kajian ini akan memfokuskan kepada proses integrasi pendidikan Islam dalam kalangan mualaf di Sabah, dengan meneliti cabaran utama yang dihadapi serta peranan agensi pelaksana dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan pendidikan Islam secara inklusif dan berkesinambungan.

Sorotan Kajian Lepas

Kajian-kajian lepas yang dijalankan banyak menumpukan kepada pelbagai aspek pendidikan Islam untuk mualaf, khususnya kandungan modul, falsafah pendidikan, dan struktur kurikulum. Contohnya, kajian yang membincangkan keberkesanan modul-modul seperti Modul MAIWP, *Hidayah Centre* dan *Baitussalam* dalam institusi pendidikan muallaf di Malaysia. Mereka mendapati bahawa silibus ini tidak merangkumi sepenuhnya keperluan harian mualaf baru, dan cadangan modul lima tahun perlu dikemaskini supaya selaras dengan perubahan semasa (Faezy Adnan, et.al, 2021). Meskipun modul-modul tersebut menyediakan asas pendidikan agama, ia hanya tertumpu kepada struktur kandungan dan tidak membincangkan cabaran pelaksanaan atau usaha integrasi pendidikan dalam jangka panjang. Dalam pada itu, Zulkiple (2021) turut menekankan bahawa kurikulum pendidikan Islam bagi mualaf Sabah perlu dibangunkan secara sistematik dan berasaskan budaya tempatan, agar lebih relevan dengan latar sosial dan identiti mualaf Sabah. Perkara ini turut disokong oleh Basir et.al (2025) bahawa penyusunan silibus yang sensitif terhadap budaya tempatan dan keperluan harian bagi saudara baru adalah sangat penting dalam memastikan penerimaan ajaran Islam yang berkesan. Kajian ini lebih memfokuskan kepada struktur kandungan kurikulum sahaja dan tidak membincangkan secara mendalam mengenai cabaran pelaksanaan seperti kekangan pelaksanaan, kekurangan pendidik berorientasi budaya tempatan, serta isu kerjasama antara agensi dakwah (misalnya JHEAINS dan USIA) dalam memastikan kesinambungan pendidikan mualaf.

Jika diteliti daripada sudut yang berbeza, Faezy Adenan (2021) mengetengahkan pendekatan pendidikan Islam yang bersifat holistik, meliputi dimensi rohani, intelektual, emosi dan jasmani. Beliau turut menekankan kepentingan penguasaan bahasa Arab serta ilmu syariah secara merentas disiplin sebagai asas untuk memperkukuh kefahaman dan akidah dalam kalangan mualaf. Pendekatan ini disokong oleh Tamuri (2021) yang mencadangkan konsep *pembelajaran sendiri* (*self-directed learning*) bagi membentuk rasa tanggungjawab dan penghayatan agama secara berterusan. Namun begitu, pendekatan ini dilihat lebih bersifat normatif dan idealistik kerana tidak mengambil kira realiti pelaksanaan di peringkat akar umbi. Tambahan lagi, aspek lain seperti keupayaan institusi pelaksana tempatan seperti Jabatan Hal

Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) serta cabaran berkaitan geografi dan logistik di kawasan pedalaman negeri ini, dilihat kurang diberikan penekanan dalam model yang dikemukakan. Hal ini menyebabkan model tersebut sukar diterjemah secara efektif dalam konteks pelaksanaan di peringkat negeri Sabah, khususnya dalam kalangan komuniti mualaf yang tinggal jauh dari pusat akses pendidikan agama.

Sebagai pelengkap kepada kajian ini, kajian oleh Don et al. (2025) membincangkan *Integrated Da'wah Education Model* yang menggabungkan aspek akidah, ibadah, sirah dan kemahiran hidup dalam kurikulum berstruktur bagi mualaf. Model ini menekankan kolaborasi antara agensi pelaksana, pendidik dan komuniti untuk menjayakan pendidikan Islam inklusif berterusan (Sham Radhir et al., 2025). Walaupun model ini lebih komprehensif dan sesuai sebagai kerangka konseptual kajian, ia masih memerlukan adaptasi dan perlu menitikberatkan kepada konteks negeri Sabah itu sendiri terutama dalam menghadapi kekangan sumber, logistik, serta variasi latar budaya etnik tempatan. Secara kritikalnya, walaupun kedua-dua pendekatan ini berpotensi memperkayakan integrasi pendidikan Islam dalam kalangan mualaf, kajian Tamuri (2021) perlu diperluas untuk menyentuh mekanisme institusi, manakala model Don et.al (2025) memerlukan pengujian empirikal di lapangan Sabah. Kekangan ini menjadikan kajian semasa perlu meneliti sejauh mana institusi pelaksana setempat mampu menyepadukan falsafah pendidikan holistik dengan model konseptual integrasi dakwah secara praktik dan berterusan, agar pendidikan Islam tidak hanya bersifat kandungan ideal tetapi juga efektif dalam konteks lokal.

Bagi memperkukuh asas teori kajian ini, dua model utama digunakan iaitu Model Pendidikan Islam Bersepadu dan Model Integrasi Sosial Berry (1997). Model Pendidikan Islam Bersepadu yang dicadangkan oleh Adenan et al. (2020) serta dikembangkan dalam bentuk *Integrated Da'wah Education Model* oleh Don, Puteh dan Radhir Sham (2025), menekankan pembangunan kurikulum mualaf yang holistik dan berstruktur. Model ini merangkumi elemen akidah, ibadah, sirah serta kemahiran hidup yang disampaikan melalui pendekatan kolaboratif antara agensi pelaksana, pendidik dan komuniti. Pendekatan ini bersifat responsif terhadap keperluan setempat, menjadikan ia amat signifikan dalam konteks Sabah yang berhadapan dengan kepelbagaian etnik, realiti geografi yang mencabar, serta kekangan sumber dan akses pendidikan agama secara berterusan (Don et al., 2025; Adenan et al., 2020). Keistimewaan model ini bukan sahaja terletak pada kandungannya, tetapi juga pada mekanisme penyampaian yang menuntut kerjasama rentas institusi, sesuai dengan dinamika pelaksanaan pendidikan Islam di Sabah. Dalam kerangka yang melengkapi teori ini, Model Integrasi Sosial oleh Berry (1997) menawarkan pendekatan dua dimensi yang melihat integrasi sebagai gabungan antara pemeliharaan identiti budaya asal dan penghayatan nilai agama dalam komuniti baharu. Strategi "*integration*" yang dikemukakan Berry dianggap paling adaptif berbanding strategi lain seperti marginalisasi, asimilasi atau separasi. Dalam konteks mualaf di Sabah, pendekatan ini membolehkan individu mengekalkan nilai budaya asal yang penting dalam masyarakat beretnik seperti Kadazan-Dusun, Murut atau Bajau sambil mengadaptasi norma Islam yang dominan dalam struktur sosial dan pendidikan. Kajian lepas menunjukkan bahawa strategi ini memberi kesan positif terhadap kesejahteraan psikologi, kestabilan identiti dan peningkatan kompetensi sosiokultural dalam kalangan mualaf (Berry, 1997; Berry & Sam, 1997; Don et al., 2025). Gabungan kedua-dua model ini membentuk asas konseptual yang kukuh dalam mengupas integrasi pendidikan Islam dalam kalangan mualaf di Sabah. Model Pendidikan Islam Bersepadu menyediakan struktur kandungan dan strategi pelaksanaan, manakala Model Integrasi Sosial memberi kerangka pemahaman terhadap proses penerimaan agama dan identiti

budaya secara harmoni. Justeru, pendekatan teoritikal ini bukan sahaja menjawab persoalan tentang keberkesanan pendidikan Islam kepada mualaf, tetapi juga membantu menilai peranan institusi pelaksana dalam mengurus kepelbagaian budaya dan realiti sosial tempatan secara berkesan dan berterusan.

Secara keseluruhannya, kajian literatur menunjukkan bahawa kajian terdahulu memberi tumpuan kepada aspek modul dan falsafah pendidikan, tetapi masih kekurangan analisis terhadap cabaran pelaksanaan, konteks geografi Sabah dan keberkesanan agensi pelaksana dalam membangun pendidikan mualaf yang holistik dan bersepadu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan pendekatan yang menekankan integrasi rohani mualaf, cabaran praktikal, dan kolaborasi institusi pelaksana di Sabah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersifat eksploratori bagi memahami secara mendalam fenomena pendidikan Islam dalam kalangan mualaf di Sabah serta meneliti peranan agensi pelaksana dalam menangani isu berkaitan. Pendekatan ini dianggap paling sesuai apabila objektif kajian adalah untuk memahami makna, naratif dan pengalaman sosial daripada perspektif peserta, serta menjelaskan proses dalam konteks yang kompleks dan nyata (Creswell & Poth, 2018; Merriam & Tisdell, 2016). Oleh itu, kaedah kualitatif bukan sahaja membolehkan data diperolehi secara holistik dan fleksibel, bahkan memberikan peluang kepada pengkaji untuk meneroka faktor struktur, psikososial dan institusional yang saling berkait dalam membentuk pengalaman pendidikan mualaf di negeri ini. Kajian ini dijalankan antara Januari hingga Mei 2025 dan tertumpu di beberapa lokasi strategik di Sabah, termasuk Kota Kinabalu, yang dikenal pasti melalui data JHEAINS sebagai pusat tumpuan program bimbingan mualaf.

Seterusnya, reka bentuk pengumpulan data melibatkan dua sumber utama iaitu analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur. Analisis dokumen dijalankan terhadap sumber sekunder seperti laporan rasmi daripada JHEAINS, dan MUIS, dokumen dasar agensi, artikel jurnal ilmiah, serta prosiding berkaitan sistem pendidikan Islam mualaf. Pemilihan dokumen juga dilakukan berdasarkan kesahihan institusi dan kekinian penerbitan, bagi memastikan kredibiliti data (Bowen, 2009). Tambahan pula, bagi pengumpulan data primer, temu bual separa berstruktur dilaksanakan bersama lapan informan terpilih melalui teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*), melibatkan pegawai kanan dari agensi pelaksana seperti JHEAINS, MUIS, JAKIM serta wakil NGO seperti *Hidayah Centre Foundation*. Temu bual ini merangkumi topik berkaitan pelaksanaan kurikulum, keberkesanan modul, cabaran sosial mualaf, serta sinergi antara institusi. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan instrumen, pendekatan *expert validation* dan semakan silang digunakan (Lincoln & Guba, 1985).

Setelah itu, proses analisis data dilaksanakan menggunakan kaedah analisis tematik berasaskan enam fasa Braun dan Clarke (2006): (1) pembiasaan data, (2) pengekodan awal, (3) pencarian tema, (4) semakan tema, (5) penamaan tema dan (6) pelaporan. Antara tema utama yang dikenal pasti termasuk: kelemahan struktur modul, kekangan infrastruktur dan capaian pendidikan, tekanan psikososial serta ketiadaan kesinambungan bimbingan pasca pengislaman. Analisis ini membolehkan pengkaji mengenal pasti pola, makna dan naratif yang membentuk realiti pendidikan Islam dalam kalangan mualaf di Sabah.

Hasil Kajian

Cabaran dalam Sistem Pendidikan dari Sudut Struktur Modul, Pemantauan dan Bimbingan, Aspek Psikososial, Infrastruktur dan Geografi.

Struktur Modul Pendidikan Islam

Menurut Adenan et al. (2021) modul yang diajar kepada Mualaf adalah modul yang lama *outdated* tidak mencukupi dan tidak menyeluruh. Beliau mencadangkan modul yang merangkumi ajaran Agama Islam seperti *Fardhu 'Ain*, *Fardhu Kifayah* dan juga skill kehidupan seharian sebagai seorang Islam yang sempurna. Modul yang dikaji adalah Modul MAIWP, Modul Pendidikan Hidayah Centre, Modul Pendidikan Baitussalam. Beliau juga menerangkan silibus bagi setiap modul tersebut dan membandingkan tempoh pengajian bagi golongan Muallaf. Pengkaji mendapati tempoh paling lama yang dipelajari oleh golongan Muallaf adalah dua tahun bagi Modul Pendidikan Baitussalam. Kajian oleh Zulkiple Abd. Ghani (2021) menegaskan bahawa kurikulum pendidikan Islam kepada mualaf perlu dibangunkan secara sistematik dengan mengambil kira latar belakang sosial, budaya, dan kemampuan penerimaan ajaran Islam oleh mualaf. Namun, kebanyakan modul yang digunakan di institusi seperti IPDAS dan institusi lain di Malaysia hanya menawarkan pengajian di peringkat sijil dan diploma dengan kandungan yang terhad kepada subjek asas Islam sahaja, sedangkan mualaf juga memerlukan pendedahan kepada bidang profesional dan pembangunan sendiri.

Aspek Pemantauan dan Bimbingan

Menurut Nur Shuhadah et al. (2024), kebanyakan mualaf yang keluar dari Islam khususnya dalam fasa awal selepas memeluk Islam adalah disebabkan oleh pemahaman agama yang cetek, terutamanya dalam aspek akidah dan syariat. Ini berpunca daripada kekurangan pemantauan dan bimbingan berterusan oleh pihak berwajib sama ada agensi kerajaan atau swasta. Akibatnya, golongan mualaf berdepan kesukaran untuk mengharungi cabaran kehidupan sebagai Muslim dan akhirnya mengambil jalan mudah iaitu kembali murtad. Penemuan serupa boleh didapati dalam kajian-kajian lain contohnya kajian yang dijalankan oleh Rusli & Kadir (2022) mendapati antara faktor utama mualaf kembali murtad ialah kurangnya iman ('aqidah), disertai dengan pengetahuan terhad tentang Islam, kurang komitmen agama, tekanan keluarga asal, dan masalah perkahwinan atau ekonomi yang tidak stabil. Selain itu, pengurusan pendidikan Islam terhadap mualaf di Malaysia turut menunjukkan kelemahan seperti program bantuan yang terurus dengan kurang baik, modul pengajian yang tidak struktur, kekurangan guru kompeten dan infrastruktur IT yang tidak memadai (Sham et.al, 2024). Ini menyukarkan proses pembelajaran akidah dan syariat secara mendalam. Jika di teliti isu ini, ia amat berkait rapat dengan pemantauan dan bimbingan berterusan. Perkara ini amat penting bagi memastikan mualaf menerima sokongan rohani, pendidikan, serta sosial yang berstruktur sejak awal fasa pengislaman. Kajian oleh Sham et.al (2024) menekankan bahawa sistem pengurusan pendidikan mualaf yang terancang termasuk penggunaan modul silibus yang tersusun, tenaga pengajar kompeten, dan bantuan pasca pengislaman mampu memperkukuh kefahaman akidah dan syariat serta mengurangkan risiko murtad.

Aspek Psikososial

Dari aspek psikososial pula, tekanan emosi akibat pemuluan keluarga, persepsi masyarakat Melayu terhadap mualaf, dan kehilangan hak ke atas harta pusaka menjadi antara punca utama tekanan mental dan konflik dalaman yang dihadapi oleh mualaf. Kajian oleh Noor Hafizah et al. (2019) dan Sarwar et.al (2022) menunjukkan bahawa ramai mualaf mengalami kemurungan, keresahan, dan tekanan akibat konflik identiti dan kehilangan jaringan sokongan sosial selepas

memeluk Islam. Tambahan pula, pandangan stereotaip masyarakat Islam terhadap mualaf sebagai "muslim kelas kedua" dan kekurangan ruang sosial untuk integrasi menyebabkan ramai mualaf mengalami krisis keyakinan dalam menjalani kehidupan sebagai Muslim. Menurut kajian Zaifuddin Md Rasip (2024) golongan mualaf menghadapi cabaran dalam mendalami ilmu asas agama seperti mengikuti kelas fardhu 'ain, mempelajari tatacara solat dan bacaan al-Quran. Hal ini adalah disebabkan mereka barasa rendah diri dan malu untuk bersosial dengan masyarakat muslim di sekitar kawasan mereka. Kesemua elemen ini membentuk satu wujudnya krisis kepercayaan diri dan integrasi sosial, yang jika tidak ditangani dengan sokongan komuniti dan bimbingan peer support serta pendekatan yang sensitif budaya, berisiko mendorong golongan mualaf kembali kepada keadaan sebelum pengislaman

Infrastruktur dan Geografi

Menurut kajian Suraya Sintang (2019) Kekangan infrastruktur kebiasaanya terjadi pada pendalaman yang tidak terdapat *accessibility* ke kawasan pendalaman menyukarkan Muallaf pergi ke kelas agama yang diadakan di kawasan bandar. Tambahan pula, kos perbelanjaan untuk pengangkutan adalah diluar kemampuan mereka kerana kebanyakan mereka yang tinggal di kawasan pendalaman adalah di kalangan orang miskin. Daerah yang mengalami isu sebegini di antaranya adalah daerah kg.Teburi, Sri Darun di Lahad Datu dan Kg. Piasau Kota Belud. Cabaran dari segi geografi amat signifikan di Sabah yang mempunyai kawasan pedalaman luas dan kekurangan kemudahan infrastruktur. Sebagaimana yang disebut oleh Suraya Sintang (2019), akses kepada kelas bimbingan agama di kawasan luar bandar seperti di Lahad Datu dan Kota Belud sangat terhad kerana ketiadaan kemudahan pengangkutan dan pusat pengajian yang dekat dengan komuniti mualaf. Kajian lanjut oleh Mohamad Zamri Mohamed Shapik et al. (2021) turut mengesahkan bahawa mobiliti geografi menjadi kekangan utama untuk mualaf menyambung pengajian tinggi, apatah lagi mereka yang tidak mempunyai sumber kewangan tetap. Dalam konteks Sabah, geografi yang mencabar dan penyebaran komuniti mualaf di kawasan terpencil memerlukan pendekatan pendidikan bergerak (*mobile dakwah*) dan teknologi pembelajaran jarak jauh yang lebih proaktif.

Oleh itu, punca cabaran yang berkaitan dengan struktur pendidikan, tekanan psikososial dan batasan geografi memerlukan campur tangan menyeluruh oleh pihak berwajib agar pendidikan Islam kepada mualaf tidak hanya bersifat ritual asas, tetapi benar-benar mampu membentuk jati diri Islamiah yang seimbang dan berdaya tahan dalam masyarakat majmuk.

Peranan Agensi Pelaksana dalam Mengatasi Cabaran Pendidikan Mualaf

Di Sabah terdapat beberapa agensi kerajaan dan swasta yang memainkan peranan bagi memastikan Pendidikan Islam dalam kalangan mualaf sentiasa terus berkembang sesuai dengan peredaran masa dan juga mengikut arus perdana. Hal ini bagi memastikan jaminan pengukuhan kefahaman ajaran agama Islam dalam golongan mualaf dan supaya mereka tidak keliru dengan ajaran lama yang mereka anuti dahulu. Seterusnya, mereka terus berpegang teguh walau apa keadaan sekalipun yang mereka hadapi samada tentangan daripada keluarga mereka atau cabaran-cabaran lain yang mendatang dalam menjalani kehidupan baharu sebagai seorang muslim. Di antara agensi tersebut adalah seperti berikut:

Peranan JHEAINS dalam Pendidikan dan Bimbingan Mualaf di Sabah

Menurut kajian Wahibah (2021), perkembangan gerakan dakwah di Sabah adalah sinonim dengan peranan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sebagai sebuah badan berautoriti dalam hal ehwal keagamaan Islam. JHEAINS bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju gerakan dakwah Islamiah di negeri ini dan memastikan kesinambungan

pelaksanaan dakwah yang tersusun serta berkesan. Jabatan ini ditubuhkan secara rasmi pada 1 Januari 1996 (Bahagian Penyelidikan dan Informasi, JHEAINS). Dari segi operasi dan dasar, JHEAINS tertakluk kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) yang berfungsi sebagai badan induk pembuat dasar berkaitan hal ehwal Islam di Sabah.

Secara umumnya, sebaik sahaja seseorang individu memeluk Islam, pihak JHEAINS akan melaksanakan pelbagai program susulan yang direka khusus bagi golongan mualaf. Tujuan utama program ini adalah untuk memberikan penjelasan mendalam tentang ajaran Islam serta tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Program-program tersebut merangkumi pelbagai pendekatan seperti seminar, ceramah, kelas pengajian dan konvensyen khas seperti Kursus Asas Saudara Kita, Kelas Bimbingan Saudara Kita, serta Konvensyen Pembangunan Saudara Kita. Tambahan lagi, program ini turut disertai pemantauan berjadual oleh pegawai terlatih yang memastikan kefahaman tentang tanggungjawab sebagai Muslim dan fardhu 'ain diperkukuh melalui struktur pengajian yang konsisten (Md. Rasip et.al, 2025). Setelah tamat program pengajian ini, para peserta akan mempunyai kefahaman yang mantap dalam bidang fardhu ain dan mampu menjalankan tanggungjawab sebagai seorang Muslim dengan lebih yakin (Wahibah, 2021).

Peranan USIA dalam Pendidikan dan Dakwah Islam di Sabah

Penubuhan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) pada tahun 1969 telah menjadi salah satu tonggak utama dalam memperkukuh kedudukan Islam di Sabah, khususnya dalam aspek pendidikan dan dakwah (Mohd Nur Hidayat & Iknor Azli, 2019). Penubuhan ini berlaku dalam konteks kepimpinan negeri yang diterajui oleh Tun Mustapha bin Datu Harun sebagai Ketua Menteri, yang turut memainkan peranan besar dalam mendukung agenda Islamisasi negeri (Wahibah, 2021). Strategi dakwah USIA dapat dirangkum melalui pendekatan 3P, iaitu *Pendidikan, Pengislaman, dan Pembangunan*. Kegiatan pengislaman yang dilaksanakan secara aktif sejak era 1970-an oleh USIA bukan sahaja memberi kesan besar kepada landskap keagamaan Sabah, malah turut mempengaruhi perkembangan Islam di peringkat kebangsaan (Suraya Sintang, 2019).

Peranan Pusat Latihan Dakwah (PLD) dalam Pendidikan dan Dakwah Islam di Sabah

Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan beberapa Pusat Latihan Dakwah (PLD) bagi memastikan kebajikan dan bimbingan golongan saudara baru yang semakin bertambah sentiasa terpelihara. PLD ini berperanan sebagai platform pendidikan dan bimbingan untuk membantu saudara baru memahami ajaran Islam secara mendalam dan berstruktur (Wahibah, 2021). Pada tahun 1984, pengurusan dan pentadbiran pusat-pusat latihan ini telah diserahkan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pusat Latihan Dakwah Keningau (PLDK) merupakan pusat pertama yang ditubuhkan pada tahun 1979, dan kini dikenali sebagai Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS). IPDAS ini menawarkan kursus jangka pendek dan jangka panjang pada peringkat sijil dan diploma. Antara mata pelajaran yang diajarkan termasuklah Tauhid, Fiqh, Hadis, Tafsir, Sejarah Islam, Akhlak, al-Quran, Bahasa Arab dan lain-lain.

Peranan Hidayah Centre Foundation dalam Pendidikan Islam Sabah

Kajian lepas turut menunjukkan bahawa agensi bukan kerajaan seperti *Hidayah Centre Foundation* (HCF) memberi sumbangan besar melalui pendekatan mesra mualaf seperti pembinaan modul khusus, kelas bimbingan mingguan, dan aktiviti sosial yang merapatkan hubungan mualaf dengan komuniti Muslim sedia ada (Zamri et al., 2021). Peranan HCF juga

merangkumi pembinaan keyakinan diri, penyaluran bantuan kewangan, dan intervensi awal terhadap tekanan psikososial mualaf. Pengasas dan pemimpin awal HCF ialah Haji Nicholas Sylvester Muhammad Abdullah, yang ketika itu menjawat jawatan Ketua Biro Dakwah JIM. HCF telah menganjurkan kelas bimbingan untuk saudara baru secara mingguan dan bertujuan untuk membantu mereka memahami, mempelajari, menghayati serta mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh. Kandungan pembelajaran merangkumi ilmu akidah, fiqh, akhlak, sirah dan pengajian al-Quran, yang disampaikan oleh pembimbing yang dilantik khas oleh HCF (Syarul Azman et.al, 2017). Menariknya, kelas ini juga terbuka kepada golongan bukan Islam yang berminat untuk mendalami pengetahuan tentang Islam (Wahibah, 2021).

Melalui kolaborasi antara agensi kerajaan dan NGO ini, pelbagai pendekatan pelaksanaan telah diperkenalkan termasuk penyediaan tenaga pengajar terlatih, penggunaan modul kontekstual berasaskan latar belakang etnik dan budaya mualaf, serta pelaksanaan pendidikan bergerak (*mobile dakwah*) bagi kawasan terpencil. Kajian Nor Hafizah et al. (2019) mencadangkan agar agensi turut memperluas penggunaan teknologi dalam bentuk pembelajaran jarak jauh dan media digital agar capaian pendidikan Islam dapat melangkaui sempadan fizikal dan kekangan geografi.

Justeru, peranan agensi pelaksana bukan sahaja bersifat instruksional, tetapi juga melibatkan aspek psikososial, ekonomi, dan kebajikan yang lebih menyeluruh. Pendekatan pelbagai lapis ini penting agar proses pendidikan mualaf tidak terputus selepas pengislaman, sebaliknya berterusan membina kefahaman, identiti Islam dan kebersamaan dalam masyarakat majmuk.

Penutup

Secara keseluruhan, kajian ini telah berjaya memenuhi objektif yang telah ditetapkan. Pertama, kajian telah mengenal pasti pelbagai cabaran utama yang dihadapi oleh mualaf dalam mengakses pendidikan Islam di Sabah, termasuklah isu kekangan infrastruktur, tekanan psikososial, stigma sosial, serta kelemahan struktur dan kandungan modul pendidikan sedia ada. Kedua, punca kepada cabaran-cabaran ini telah dianalisis secara menyeluruh berdasarkan faktor struktur pendidikan, jarak geografi luar bandar, dan latar belakang sosio-emosi mualaf. Ketiga, kajian juga berjaya menilai peranan dan keberkesanan agensi pelaksana seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan pertubuhan bukan kerajaan seperti *Hidayah Centre Foundation* dalam melaksanakan program pendidikan Islam kepada mualaf secara berstruktur dan menyeluruh.

Dari segi sumbangan pengajian, kajian ini menyumbang kepada pengukuhan perbincangan teori berkaitan pendidikan inklusif, integrasi sosial dan pembangunan rohani dalam kalangan mualaf dengan menerapkan kerangka Model Pendidikan Islam Bersepadu dan Model Integrasi Sosial (Berry, 1997). Secara praktikal, dapatan kajian ini memberi panduan kepada institusi pelaksana untuk merangka pendekatan pendidikan mualaf yang lebih kontekstual, menyeluruh dan responsif terhadap keperluan budaya serta realiti sosial masyarakat Sabah. Kajian ini juga mencadangkan supaya dasar dan peraturan berkaitan pendidikan mualaf disemak semula, khususnya dari segi penyelarasan peranan antara agensi, pembinaan modul berbasis komuniti, serta mekanisme pemantauan dan penilaian program yang lebih sistematik dan berpusatkan pelajar.

Dari segi cabaran pelaksanaan, kajian ini mendapati bahawa wujud jurang kerjasama antara agensi pelaksana, kekangan logistik di kawasan pedalaman, serta kesukaran mendapatkan modul bersifat kontekstual dan fleksibel. Dalam menghadapi kekangan ini, kajian mencadangkan supaya pendekatan pendidikan berasaskan teknologi dan pendidikan bergerak (*mobile Islamic education*) diterokai dengan lebih meluas bagi memperluas capaian program kepada komuniti mualaf terpencil. Tambahan pula, perlu diwujudkan pelan pembangunan latihan berterusan untuk pendidik dan fasilitator yang terlibat secara langsung dalam pendidikan mualaf agar mereka lebih peka terhadap dimensi budaya dan psikososial golongan ini.

Sebagai perancangan kajian masa depan, pengkaji mencadangkan supaya kajian lanjutan dijalankan secara spesifik bagi menilai keberkesanan jangka panjang program pendidikan mualaf yang sedia ada. Selain itu, disarankan agar pendekatan kajian tindakan kolaboratif (*collaborative action research*) diterapkan untuk membolehkan pembentukan model pendidikan yang benar-benar responsif terhadap komuniti mualaf tempatan. Kajian masa depan juga boleh menggabungkan data dari pelbagai negeri untuk membentuk satu kerangka dasar nasional yang lebih mantap dan holistic (Zetty Nur Zuliana et.al, 2020).

Secara tuntas, pendidikan Islam kepada mualaf di Sabah harus bergerak ke arah pendekatan holistik dan bersepadu yang tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek ritual asas, tetapi juga memperkasa dimensi akidah, sosial, psikologi dan budaya. Hanya dengan pendekatan ini, pendidikan Islam dapat membina jati diri mualaf yang utuh, progresif dan mampu berfungsi sebagai anggota masyarakat majmuk yang harmoni dan berdaya tahan. Penemuan kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan penting kepada pihak pembuat dasar, institusi agama, dan masyarakat sivil dalam memperkukuh sistem pendidikan Islam yang lebih inklusif dan efektif untuk masa hadapan.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) atas sokongan kewangan yang telah diberikan melalui Skim Geran Penyelidikan Kluster di bawah Geran No. DKP0124, yang telah memungkinkan pelaksanaan kajian ini. Sokongan berterusan daripada pihak universiti amatlah dihargai dan menjadi pemangkin utama kepada kelancaran dan kejayaan kajian ini.

Rujukan

- Abd. Halim Tamuri. (2021). Falsafah Pendidikan Islam dalam Kalangan Mualaf. In Prosiding Sistem Pendidikan Islam Mualaf di Malaysia.
- Basir, M. Z. K., Zakariah, M. Z., & Punding, A. Y. (2025). *Examining co-operative challenges in sustaining the economic well-being and education of Muslim reverts (mualaf) in Malaysia*. *Journal of Emerging Economies & Islamic Research*, 13(2), Article 4302. <https://doi.org/10.24191/jeeir.v13i2.4302>
- Don, A. G., Puteh, A. B., & Radhir Sham, M. R. (2025). *The role of integrated da'wah education in shaping the holistic character of muallaf in Malaysia*. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(6), 3250–3259. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.906000239>
- Faezy Adenan, Asmaa' Mohd Arshad, Mohd Afandi Mat Rani, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Azri Bhari & Siti Afifah Mat Rani. 2021. Modul Pendidikan Muallaf di Malaysia: Analisa terhadap Tahap dan Kandungan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22(1):266-276.

- Hajimin, M. N. H., Omar, P. M. F. A., & Hajimin, N. A. A. (2020). *Tun Mustapha dan pengukuhan Islam di Sabah: 1963–1973* [Tun Mustapha and the strengthening of Islam in Sabah: 1963–1973]. *Akademika*, 90(1), 181–191. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-15>
- Md Rasip, Z., Ramli, I., & Hamzah, A. H. (2025). Mualaf di Sabah: Kajian terhadap faktor peningkatan mualaf dan cabaran yang mereka hadapi. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(2), 1–18. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.90500050>
- Mohamad Zamri Mohamed Shapik, Mohd Azhar Mohd Yasin & Nurul Atikah Mokhtar. (2021). Keberkesanan Program Dakwah Hidayah Centre Foundation dalam Kalangan Saudara Baru di Sabah. Prosiding Seminar Sistem Pendidikan Islam Mualaf di Malaysia 2021, 198–209.
- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin & Iknor Azli Ibrahim. (2019). Tun Mustapha Dan Peranannya Terhadap Penetapan Islam Sebagai Agama Rasmi Negeri Sabah. Prosiding Seminar Kebangsaan Tamadun & Warisan Islam (TAWIS), 353–361
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Mohd Nazri Chik, & Roziah Sidik @ Mat Sidek. (2019). Emosi Mualaf Selepas Masuk Islam: Kajian di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). Dalam Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari. Shah Alam: IKAZ, UiTM.
- Nur Shuhadah Abdul Rahin, Suhaila Abdullah, & Nur Izzaty Mohamad. (2021). Pemantapan keimanan saudara baru di fasa awal pengislaman: Kajian terhadap pendekatan dan cabaran. Prosiding Seminar Sistem Pendidikan Islam Mualaf di Malaysia 2021 189–197.
- Rusli, N., & Kadir, F. K. A. (2022). The Challenges Encountered by Mualaf After Conversion to Islam: A Study on The Apostasy (Murtad) Cases in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 538 – 544.
- Sarwar, A., Islam, M. A., Mohiuddin, M., Tareq, M. A., & Siddika, A. (2022). Social Connections and Self-Perceived Depression: An Enhanced Model for Studying Teenagers' Mental Wellbeing. *International journal of environmental research and public health*, 19(23), 15791. <https://doi.org/10.3390/ijerph192315791>
- Sham, M. R. B. R., Puteh, A. B., & Don, A. G. (2024). *Management issues in the education of new Muslim (Muallaf) in Malaysia*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(8), 3112–3123. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v14-i8/22493>
- Suraya Sintang (2019). Keterbatasan Akses Pendidikan Islam di Luar Bandar Sabah. *Jurnal Sains Sosial*, 13(3), 112–124.
- Syarul Azman Shaharuddin, Hanis Najwa Shaharuddin, Muhammad Yusof Marlon Abdullah, Mustafa Kamal Amat Misra & Akmal Syazana Fauzan. (2017). Cabaran Dan Permasalahan Mualaf Dan Penyelesaiannya Oleh Hidayah Centre Foundation (HCF). Seminar Antarabangsa Penyelidikan Sirah Nabawi & Pemikiran (ISRA' 2017), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Wahibah et al. (2021). Dinamika Pendidikan Mualaf Di Malaysia :Kajian Ringkas Sejarah Usaha Kerajaan Dan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan. Prosiding Seminar Sistem Pendidikan Islam Mualaf di Malaysia 2021, 43–56.
- Zaifuddin Md Rasip & Mohd Solleh Ab Razak. (2024). Faktor Pemelukan Agama Islam:Kajian Terhadap Mualaf di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(10), e003016. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i10.3016>
- Zetty Nur Zuliana Rashed, Ab Halim Tamuri, Siti Suhaila Ihwani, Mohd Faez Ilias & Mardhiah Yahaya. (2022). *Integrated curriculum model in Islamic education*

curriculum. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 12(7), 214–223. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i7/14249>

Zulkipl Abd Ghani. (2021). Sistem Pendidikan Islam kepada Mualaf: Satu Tinjauan Awal di Malaysia. Prosiding Seminar Sistem Pendidikan Islam Mualaf di Malaysia 2021 173–180.